

## **Berita Harian, ms 3 6 Disember 2008, Sabtu**

### **Peluang masih terbuka bagi pekerja sambilan**

**Sektor runcit, promosi dan perkhidmatan masih bayar gaji \$5 hingga \$6.50 sejam**

NAZRI HADI SAPARIN

PERMINTAAN bagi beberapa pekerjaan sambilan masih didapati tinggi meskipun ekonomi negara sudah mula mengalami kemelesetan.

Tinjauan Berita Harian ke atas agensi tenaga manusia dan beberapa pekerja sambilan menunjukkan kebanyakan pekerjaan sementara yang masih diperlukan itu termasuk dalam sektor perkhidmatan dan tugas-tugas operasi bawahan yang tidak memerlukan kemahiran khusus, seperti sektor runcit, tugas-tugas promosi dan merakam data.

Gaji pekerja sementara juga kekal stabil - antara \$5 dengan \$6.50 sejam.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), The GMP Group, Cik Annie Yap, berkata dengan musim perayaan yang bakal menjelang, banyak syarikat mahu menggajikan pelajar sebagai pekerja sambilan, terutama dalam sektor runcit, penganjuran acara serta makanan dan minuman (F&B).

"Tambahan, banyak syarikat tetap yakin akan menikmati perniagaan rancak bagi suku pertama tahun depan.

"Oleh itu, majikan-majikan ini masih memerlukan pekerja sementara bagi membantu dalam tugas-tugas pentadbiran dan sokongan," ujarnya.

Antara pelajar yang mengambil kesempatan untuk bekerja sambilan semasa cuti sekolah sekarang ialah Nur Insyirah Sudiat, mahasiswa Institut Pengurusan Singapura (SIM).

Beliau mengambil keputusan bekerja di gedung buku popular, Borders, di Wheelock Place, untuk mengumpul wang bagi menampung percutiannya tahun depan.

Nur Insyirah merancang bercuti bersama teman-teman di destinasi eksotik seperti Maghribi, Mesir atau Turkey.

"Saya rancang nak kumpul sekurang-kurangnya \$2,000 untuk bercuti nanti. Tidak mahu harapkan duit emak dan bapa saja," kata mahasiswa kursus pemasaran itu.

Ini bukan kali pertama Nur Insyirah, 20 tahun, bekerja semasa cuti sekolah - beliau sering bekerja sambilan sejak menuntut di tahun pertama lagi politeknik.

Menurutnya, peluang pekerjaan sementara bagi pelajar sepertinya masih luas terbuka meskipun Singapura kini di ambang kemelesetan ekonomi.

Beberapa pelajar lain juga akur mereka tidak menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan sambilan.

Penuntut sekolah swasta, Muhammad Luqman Shahlan, 19 tahun, berkata beliau mendapat tawaran bekerja di tiga syarikat sebagai kakitangan penjualan.

“Saya tidak tahu mana satu nak pilih. Akhirnya, saya pilih paling dekat dengan tempat kawan saya bekerja. Jadi, senang kalau nak jumpa lepas tugas,” katanya.

Muhammad Hykal Kasmuri, 16 tahun, pula hanya perlu menjalani satu temu duga sebelum diberi kerja sebagai pembantu penjualan di butik mewah, Ferragamo, di Paragon.

Pelajar Sekolah Menengah Northbrooks itu, yang baru mengambil peperiksaan GCE ‘N’, mahu bekerja untuk mengumpul wang bagi membeli pakaian.

“Di tempat kerja saya, orang yang datang berbelanja begitu ramai. Tak rasa macam ada masalah ekonomi,” katanya.

Namun, terdapat beberapa pekerjaan dalam sektor-sektor tertentu yang sebelum ini popular di kalangan pelajar telah menunjukkan kemerosotan, antaranya sektor pengeluaran dan pelancongan.

Pelajar Politeknik Temasek (TP), Mohd Sharazad Sulaiman, 20 tahun, berkata beliau pernah bekerja sementara di sebuah syarikat pelancongan sebelum ini.

“Kali ini, bila saya mohon, mereka tidak memberi jawapan,” katanya.